

30/10/1997

Pusat beri kerjasama baik: MB

KERAJAAN Kelantan berusaha meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan Kerajaan Pusat menerusi pelbagai pendekatan, termasuk pelaksanaan projek membabitkan kedua-dua pihak.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata langkah beberapa kementerian menjemput Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) menghadiri mesyuarat di peringkat Pusat adalah petanda ke arah kerjasama lebih baik.

"Keadaan ini tidak jauh bezanya dengan sokongan moral yang saya berikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar tidak melepaskan jawatan walaupun didesak hebat oleh pihak luar berikutan krisis ekonomi yang melanda negara," katanya.

Beliau menjawab soalan Nassuruddin Daud (Pas-Meranti) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan (Belanjawan), semalam.

Menjawab soalan Mohamed Razali Che Mamat (BN-Guchil), Nik Aziz berkata, penyelia Adun Pas di setiap kawasan menerima elaun bulanan tetap berjumlah RM700 sebulan menerusi peruntukan yang diluluskan oleh Exco.

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, ketika menjawab soalan tambahan Kamarudin Mohd Nor (BN-Semerak) berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM10 juta daripada keuntungan saham menerusi pelaburannya sebagai bayaran modal.

(END)